



**SIARAN AKHBAR**  
**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**MESYUARAT *ASEAN FINANCE MINISTERS' AND CENTRAL BANK GOVERNORS' MEETING* KE-11 (11<sup>th</sup> AFMGM) DAN MESYUARAT-MESYUARAT BERKAITAN**

**2 – 5 April 2024**

**Luang Prabang, Lao People's Democratic Republic (Lao PDR)**

---



1. Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal) di Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah menghadiri Mesyuarat AFMGM Ke-11 dan Mesyuarat-Mesyuarat Berkaitan yang telah diadakan di Luang Prabang, Lao PDR. Mesyuarat-Mesyuarat tersebut juga telah dihadiri oleh Yang Mulia Dayang Hajah Rokiah binti Haji Badar, Pengarah Urusan Brunei Darussalam Central Bank (BDCB).
2. Mesyuarat-Mesyuarat tersebut telah bermula dengan sesi dialog di antara Menteri-Menteri Kewangan dan wakil-wakil serta Gabenor-Gabenur Bank Pusat ASEAN bersama dengan *ASEAN Business Advisory Council*, *European Union - ASEAN Business Council* dan *United States - ASEAN Business Council* bagi membincangkan peluang kerjasama di antara pihak Kerajaan dan swasta dalam mengekalkan pertumbuhan jangka panjang ASEAN dan pembangunan mampan dalam bidang kerjasama seperti *green*, *blended* dan *transition financing*, ekonomi digital, fintech dan perdagangan haram.

3. Menteri-Menteri Kewangan ASEAN seterusnya mengadakan sesi dialog bersama dengan Institusi-Institusi Kewangan Antarabangsa (IFIs) iaitu *International Monetary Fund*, *World Bank*, *Asian Development Bank* dan *ASEAN+3 Macroeconomic Research Office*. Mesyuarat bertukar pandangan mengenai prospek ekonomi serantau dan global dan peluang bagi ASEAN dan IFIs untuk mengukuhkan kerjasama dan membina kedayatahan serantau dalam menghadapi cabaran antaranya seperti gangguan rantaian bekalan dan perubahan iklim.
4. Semasa sesi plenari, Menteri-Menteri Kewangan ASEAN dan wakil-wakil menyokong keutamaan Lao PDR selaku Pengerusi ASEAN bagi tahun 2024 yang membawakan tema "*ASEAN: Enhancing Connectivity and Resilience*". Mesyuarat seterusnya membincangkan usaha-usaha kearah mengeratkan kerjasama kewangan ASEAN dalam hal-hal kastam, perbendaharaan, percukaian, insurans, pembiayaan infrastruktur dan kerjasama rentas sektor di antara trek kewangan ASEAN dan sektor-sektor lain termasuk kesihatan dan pertanian. Para Menteri dan wakil juga mengambil maklum tentang kepentingan bagi ASEAN untuk terus mengukuhkan kerjasama dengan rakan kongsi asing.
5. Dalam ucapan beliau, Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina telah menyampaikan beberapa perkara seperti berikut:
  - i. Mengalu-alukan kemajuan yang dicapai dalam pelbagai sektor kerjasama kewangan ASEAN termasuk kastam dan percukaian;
  - ii. Mengalu-alukan penubuhan *ASEAN Treasury Forum* yang bertujuan untuk meningkatkan kerjasama di antara pihak Perbendaharaan Negara-Negara Ahli ASEAN serta memberikan peluang untuk pertukaran amalan terbaik, pembinaan kapasiti dan pembangunan kemahiran; dan
  - iii. Menekankan kepentingan bagi ASEAN untuk terus memupuk ekosistem kewangan yang berdaya tahan dan dinamik yang memudahkan pembayaran rentas sempadan yang lancar, menarik pelaburan swasta dan menggalakkan pendekatan pembiayaan yang inovatif. Dalam hal ini, kemajuan integrasi digital akan menjadi asas dalam memacu pertumbuhan dan inklusiviti kewangan dan ekonomi bagi rantau ASEAN.
6. Turut hadir pada Mesyuarat-Mesyuarat tersebut adalah Yang Mulia Awang Haji Asrul Adrain bin Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Haji Ahmad, Pemangku Setiausaha Tetap (Fiskal I) di Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta Yang Mulia Dayang Hajah Noorafidah binti Haji Sulaiman, Timbalan Pengarah Urusan BDCB.

\*\*\*\*\*